

ISNIN
28 01
2019



BH DIDIK

bhdidik@bh.com.my

27 PERSONALITI
Mohd Adib mahu jadi penjaga gol hoki negara

28 BAHASA INGGERIS:
Adverbs, Conversation and Formal Letter

47 MATEMATIK:
Nombor bulat

DIDIK TIDAK AKAN DITERBITKAN MINGGU HADAPAN DAN AKAN BERSIARAN SEMULA PADA 11 FEBRUARI 2019



KEUNIKAN Malaysia

➔ Pelbagai sambutan tahun baharu meriah ikut budaya, agama

Oleh Maria Uffa Zulkafeli
maria.uffa@bh.com.my

► Changlun

Sambutan tahun baharu lazimnya menjadi satu kemestian kepada setiap insan di seluruh dunia. Tahun baharu akan disambut mengikut pelbagai cara sama ada

budaya, adat mahu pun agama masing-masing bagi menandakan permulaan baharu sesuatu tahun dapat dikenang dalam lipatan sejarah setiap penganut agama itu.

Di Malaysia, sambutan tahun baharu adalah berbeza mengikut agama penganutnya dan majlis sambutan tahun baharu berkenaan juga berbeza mengikut beberapa kalendar.

Lihat muka 26.

“Membimbing Ke Arah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) khusus untuk calon UPSR”

Layari www.FullAMark.com.my untuk melanggan dan mendapat lebih banyak soalan UPSR

ADVERBS, CONVERSATION AND FORMAL LETTER

Adverbs

Adverbs are words that modify verbs, adjectives and other adverbs. They answer the questions how, where and when.

Types of Adverbs

Adverbs can be divided into several groups.

Adverbs of Time

They tell when an action occurs

Example: later, next week, tomorrow, yesterday, monthly, yearly, annually

Have you seen Amisha today?
I went to the cinema on my own recently.

Adverbs of Manner

They tell how an action occurs or is done

Example: carelessly, gracefully, beautifully, anxiously, greedily, quickly

We waited anxiously by the phone.
We walked up the stairs quietly because mum and dad were asleep.

Adverbs of Place

They tell us about where something happens or where something is

Example: here, there, outside, everywhere, near, on the top.

There was somebody standing nearby.
Is that your scarf there?

Adverbs of Frequency

They tell us how often something happens or is done. They are often used with simple present tense because they show repeated activities.

Example: again, almost, always, ever, frequently, generally, hardly ever, often, seldom

Azura often drinks coffee as that her favourite drink.
I seldom play football at the stadium.

Adverbs of Degree

They tell us the level or extent that something happens or is done.

Example: almost, much, nearly, quite, really, so, too, very

The victim nearly died from his injuries.
The referee had to stop the match when it began to rain really heavily.

Exercise 1

Choose the **best** answer to complete the sentence.

- "Be quiet! I can't think _____ when all of you are shouting in the class," said the teacher to her pupils.
A carefully C clearly
B fluently D gracefully
- When it rains _____, the roads become flooded.
A dangerously C quietly
B heavily D softly
- The brothers were _____ injured in the accident.
A angrily
B badly
C dangerously
D cruelly
- The schoolboy was knocked _____ by a school bus.
A over C under
B below D above
- The police found the body _____.
A everywhere C above
B near D there
- My brother will arrive _____ from Manchester.
A yesterday C today
B a moment ago D just now

- Samuel put the vase _____ on the table. It fell on the floor.
A gently C bitterly
B softly D carelessly
- I was surprised to see Nishan's house was decorated _____ by his sister.
A beautifully C quietly
B carefully D excitedly
- Hasanah did _____ in her final year exam.
A good C best
B well D worst
- The class is _____ loud today as the teacher is not in the class.
A quietly C terribly
B softly D happily

Exercise 2

Fill in the blanks with the **correct** answer.

always extremely almost quickly quietly

- The dwarves entered the room _____ because they did not want to disturb the sleeping Snow White.
- He ran _____ when he saw the fierce dog.
- Kevin is _____ clever because he can answer the difficult question in five seconds.
- There were _____ ninety thousand people who watched the football match between Malaysia and Vietnam.
- His mother _____ drives him to his tuition classes in Kluang.

Exercise 3

Read the dialogue and answer the question that follow.

Encik Harriz : Let's eat here. There's a lot of food for us to choose with a reasonable price and a good taste.
Puan Neelofa : Okay children. Find an empty table.
Danial : One empty table over there, Mom. It's near a western food stall.
Puan Neelofa : Okay. Let's hurry up, kids.
Danial : Mom, can I have grilled lamb chop?
Puan Neelofa : Of course but let's sit down first. I'm sure you are thirsty after shopping.
Shazmina : Dad, I want to eat fried rice with sunny side up egg.
Puan Neelofa : I'm going to order drinks first. What would you like to drink, kids?
Encik Azizi : My favourite drink please, mango juice.
Danial : I want cendol.
Shazmina : I would like to have "lai chi kang".
Encik Harriz : Okay, let me order the food. I feel like eating sizzling noodles. How about you, Neelofa?
Puan Neelofa : Please get me chicken rice with grilled chicken, please.
Encik Harriz : Okay, don't go anywhere boys. I'll be right back.

Tick (✓) the **correct** answer.

- The conversation probably takes place in _____
a food court
a bakery
a kitchen [1 mark]
- Which drink is **not** served in a bowl?
Cendol
Mango juice
Lai Chi Kang [1 mark]

Write your answers in the spaces provided.

- "Okay. Let's hurry up, kids."
Why do you think Puan Neelofa said that?
_____ [2 marks]
- Why does Encik Harriz like to eat there? Give reasons to support your answer.
_____ [2 marks]
- What is similar regarding the choice of food between Puan Neelofa and Danial?
_____ [2 marks]

Exercise 4

Read the passage and answer the questions that follow.

In 1956, only 11 states in Malaya had anthems. Since there wasn't any national patriotic song, then Chief Minister, Tunku Abdul Rahman set up a special committee to select a suitable anthem. 514 entries were received from around the world but none was found to be suitable. International composers like Sir William Walton and Zubir Said were invited to submit their compositions but none was chosen.

The committee finally decided on listening to state anthems. On August 5, 1957, adaption of the Perak State Anthem was chosen for its traditional melody. The lyrics were composed by Tunku and a panel of judges.

The state anthem was similar to a popular Malay song, *Terang Bulan* (Bright Moon). It was a big hit on the island of Mahe, Seychelles where Sultan Abdullah of Perak was under British exile.

The melody was composed by Pierre Jean de Beranger. It later became part of an Indonesian opera performing in Singapore. Entitled *Terang Bulan*, it was an overnight sensation. Soon, it became a Malayan favourite. Everyone sang it!


At the *Merdeka* celebrations on 31 August, 1993, the National Anthem was given a faster beat and this is what is sung till this very day.

- Who was the chief minister in 1956?
A Sultan Abdullah
B Pierre Jean De Baranger
C Tunku Abdul Rahman
D Zubir Said
- The entries for the composition of national anthem were from _____
A local and international entries
B international entries only
C local entries only
D Seychelles island
- The special committee decided to choose _____ for its traditional melody.
A Singapore National Anthem
B Perak State Anthem
C British National Anthem
D Johor State Anthem
- Malaysia will be celebrating its _____ National Day celebration in 2019.
A 57th
B 60th
C 61th
D 62th
- Why must we celebrate National Day every year?
A We can encourage Malaysians to go shopping.
B We can get holidays.
C We can strengthen the identity of Malaysians.
D We can receive special gifts from the government.

SECTION B

Exercise 1

Study the diagram about the uses of coconut tree and answer the following questions in the spaces provided.



B(i) List three types of food that uses coconut as one of its ingredients.

1. _____
2. _____
3. _____

[3 marks]

B(ii) Your friend, David who lives in Canada would like to know about the uses of coconut tree. Write an **email** to him telling him about it. Write your answer between **50 and 80 words**.

From:	Date:
To:	Time:
Subject:	

[12 marks]

Exercise 2

Study the brochure about the train service and answer the following questions in the spaces provided.

B(i) List three reasons why you prefer to travel by train than other modes of transport.

1. _____
2. _____
3. _____

[3 marks]

B(ii) Your cousin from India is coming over to spend his holidays with your family in March. He wants to know your plan. Write an **email** telling him about your plan. Write your answer between **50 and 80 words**.

From:	Date:
To:	Time:
Subject:	

[12 marks]

TATABAHASA – KATA KERJA

- Kata kerja aktif
 - Kata kerja aktif tak transitif
Contoh: tidur
 - Kata kerja aktif transitif
Contoh: membersihkan
- Kata kerja pasif
Contoh: dibersihkan

Ayat contoh:

- Adik sedang tidur nyenyak di dalam buaian.
- Sekumpulan murid sedang membersihkan taman sains secara bergotong-royong.
- Taman sains sedang dibersihkan oleh sekumpulan murid secara bergotong-royong.

→ Latihan 1

Isi tempat kosong dengan kata kerja yang betul.

menyandang	terputus	merimbun	siapkan
menyarung	termenung	pergi	berpaut
terlepas	dimakan	berkokok	dihinggapi
menenun	mencuit		

- Pokok buluh di tepi pondok itu _____ dan subur sekali.
- Danial _____ bahu kawannya lalu duduk di tepi padang hoki itu.
- Pengawal keselamatan berdiri tegak sambil _____ selaras senapang.
- Kuih-muih yang dihidangkan telah habis _____ oleh Jojie dan kawan-kawannya.
- Obor itu _____ dari pegangan Farid semasa dia berlari di tepi stadium.
- Semua tugas yang diberi oleh Cikgu Nona akan saya _____ dalam masa beberapa jam lagi.
- Makanan yang dijual di gerai itu telah _____ beberapa ekor lalat.
- Anidah banyak _____ semenjak kematian ibu bapanya dalam kemalangan ngeri.
- Lelaki itu _____ pada sekeping kayu semasa dia hanyut di tengah lautan.
- Ayam jantan _____ menandakan hari hampir siang.
- Danish _____ jersi itu sebelum pertandingan bola tampar bermula.
- Awin _____ ke perpustakaan semasa cuti sekolah untuk meminjam dan memulangkan buku cerita.
- Tali layang-layang Kim Ming _____ semasa dia dan kawan-kawannya bermain di padang.
- Nenek Jah sedang _____ songket yang telah ditempah oleh pelanggannya.

→ Latihan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- Kucing itu _____ kesejukan kerana terkena hujan di tepi longkang.

A menggigil	C mengelepar
B menggelupur	D menggeliat

- Mak Cik Nab _____ beberapa ulas bawang putih dan sejumput ikan bilis di dalam lesung batu.

A mengetuk	C menggelek
B mengisar	D menumbuk
- Abang Din _____ buah kelapa sawit dengan menggunakan sebatang galah yang agak panjang.

A mencantas	C mencangkuk
B mengait	D menepis

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- Ketua pasukan badminton itu _____ piala kemenangan mereka kerana berjaya mengalahkan pihak lawan dalam perlawanan peringkat akhir.

A mengangkat	C menjulang
B menjunjung	D memukul
- Abang _____ motosikal ayah semasa pergi ke bandar sebentar tadi untuk menghadiri temu duga.

A membonceng	C mendayung
B mengayuh	D memandu
- Datuk _____ helaian surat khabar itu sambil membaca tajuk berita untuk hari ini.

A membelek	C mengalih
B menyelak	D menukar

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



- Beberapa ekor ikan sepat sedang _____ oleh Mak Cik Teh sebelum dimasak gulai oleh kak long.

A direbus	C disalai
B dibakar	D digoreng
- Dila _____ di hadapan pintu rumah sambil melihat adik-adiknya bermain guli.

A tercegat	C terdiri
B terhenti	D termenung
- Datuk dan nenek sedang _____ tentang anak-anak cucu mereka yang sedang belajar di bandar raya sambil makan lempeng pisang.

A berpesan	C berhubung
B bersembang	D bertingkah
- Pak Mat _____ pokok getah itu pada awal pagi setiap hari dengan bantuan anak lelakinya.

A menakik	C memotong
B menarah	D menoreh
- Pelayan itu _____ sedulang air minuman yang telah dipesan oleh pelanggannya dengan berhati-hati sekali.

A menatang	C menggelek
B memegang	D mengepit
- Kanak-kanak itu segera _____ ke arah ibunya apabila namanya dipanggil.

A melompat	C berlari
B berlaga	D beransur

KATA KERJA, BIOGRAFI

PEMAHAMAN – BIOGRAFI

→ Latihan 3

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Saya mempunyai sahabat karib. Namanya Amirah. Amirah berumur dua belas tahun iaitu sebaya dengan saya. Kami tinggal berjiran semenjak kecil. Kami pergi ke sekolah bersama-sama pada setiap hari.

Kami berjalan kaki ke sekolah pada setiap hari. Amirah seorang murid yang bijak dalam mata pelajaran Matematik dan selalu dipuji oleh guru kerana sangat cekap mengira. Amirah sering membantu saya dan kawan-kawan sekelas kami yang tidak faham semasa membuat latihan Matematik.

Amirah merupakan seorang kawan yang tidak kedekut ilmu. Dia selalu berkongsi ilmu dengan saya dan kawan-kawan lain. Pada waktu rehat kami sering membaca buku cerita yang disediakan di pondok bacaan. Kami membaca buku cerita selepas makan.

Selain itu, Amirah aktif dalam bidang sukan olahraga. Dia mewakili sekolah dalam olahraga hingga ke peringkat negeri. Dia juga olahragawati daerah Kuala Langat bagi tahun 2018. Amirah amat bijak membahagikan masanya antara belajar dengan bermain.

Pada waktu senggang, Amirah suka melukis. Lukisan yang dihasilkannya sangat cantik sekali. Amirah menampal pelbagai lukisan di dalam bilik tidurnya. Amirah sering menyertai pertandingan melukis di dalam dan di luar sekolah. Jika ada masa terluang saya menemani Amirah melukis gambar sambil berbual-bual. Hubungan kami bagai isi dengan kuku.

- Berapakah umur penulis?

A 13 tahun	C 11 tahun
B 12 tahun	D 10 tahun
- Apakah anugerah yang telah diperoleh oleh Amirah pada tahun 2018?

A Olahragawati Sekolah
B Olahragawati Negeri
C Olahragawati Kebangsaan
D Olahragawati Daerah
- Di manakah Amirah menyertai pertandingan melukis?

A Di dalam sekolah
B Di luar sekolah
C Di dalam dan di luar sekolah
D Di dalam atau di luar sekolah
- Pilih pernyataan yang salah tentang petikan.


A Amirah berumur tiga belas tahun.
B Amirah murid yang cerdas dan bijak mengisi masa lapang.
C Amirah dan penulis berjalan kaki pergi ke sekolah.
D Amirah sangat bijak dalam mata pelajaran Matematik.
- Peribahasa bagai isi dengan kuku sama maksud dengan

A bagai hempedu lekat di hati.
B bagai kacang melupakan kulit.
C bagai aur dengan tebing.
D bagai kucing dengan anjing.
- Mengapakah penulis dan sahabatnya berjalan kaki pergi ke sekolah? _____ [2 markah]
- Maksud karib dalam petikan ialah _____ [1 markah]
- Apakah hobi Amirah pada masa lapang? _____ [2 markah]

KATA GANTI NAMA DAN SURAT TIDAK RASMI

SISTEM BAHASA - KATA GANTI NAMA

Kata ganti nama ialah perkataan yang menjadi pengganti kata nama.



Kata Ganti Nama Diri

Merujuk diri orang tertentu, iaitu diri orang pertama, diri orang kedua dan diri orang ketiga, seperti yang ditunjukkan di bawah:

Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama

Tunggal	Jamak
aku saya beta patik hamba	kami kita

Kata Ganti Nama Diri Orang Kedua

Tunggal	Jamak
anda awak engkau tuanku kamu kita	kalian kamu

Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga

Tunggal	Jamak
baginda beliau dia ia -nya	mereka

Kata Ganti Nama Tanya

Digunakan untuk bertanyakan sesuatu dalam bentuk ayat tanya.

Kata tanya	Ayat tanya	Penggunaan untuk bertanyakan
apa	Di dalam bakul itu <u>apa</u> ?	benda / haiwan / perkara
siapa	Siapakah yang tidak hadir hari ini?	orang / nama orang
bila	Ulang tahun kelahiran kamu <u>bila</u> ?	masa / waktu
berapa	Berapakah jumlah wang kamu?	bilangan / jumlah
mana	Istana raja itu di <u>mana</u> ?	manusia / benda / tempat
mengapa	Mengapakah awak diam?	sebab
bagaimana	Bagaimanakah cara guna alat ini?	cara / kaedah / keadaan

Kata Ganti Nama Tunjuk

digunakan untuk mengarah atau menunjuk kepada sesuatu benda, tempat atau perkara.

■ Kata ganti nama tunjuk umum (perkara/benda) *ini, itu*

■ Kata ganti nama tunjuk tempat *sini, situ sana*

Latihan 1

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang betul.

- "Cikgu, _____ tidak dapat menghadiri latihan hoki pada petang ini kerana akan menziarahi nenek di hospital," kata Asiah dan adiknya.
A dia C kami
B saya D mereka
- "Bolehkah saya berjumpa dengan Cikgu Amzah dan Cikgu Atiqah? Saya mahu berbincang dengan _____ tentang keputusan peperiksaan," tanya pegawai itu kepada kerani sekolah.
A mereka C kamu
B beliau D dia
- Hang Tuah berkata kepada pengawal istana, "Izinkan _____ masuk menghadap _____ untuk menyampaikan khabar berita."
A patik ... baginda C patik ... tuan hamba
B hamba ... baginda D hamba ... tuan hamba
- "Adik, harga air minuman sejuk ini _____?" tanya kakak kepada penjual itu.
A siapa C di mana
B berapa D bagaimana
- "_____ kah abang akan menziarah kami di kampung pula?" tanya adik.
A Bila C Di mana
B Siapa D Bagaimana
- "Situasi kampung yang dilanda banjir itu _____?" tanya wartawan kepada ketua bilik gerakan bencana alam.
A siapa C mana
B berapa D bagaimana
- "_____ kah yang banyak memberikan dorongan dan bimbingan kepada kamu?" tanya Guru Besar kepada Haiza.
A Apa C Mengapa
B Siapa D Bagaimana
- Kami tiba di Taman Rekreasi Ulu Bendul ini pada pukul 6:30 pagi. Dari _____ kami bergerak menuju ke puncak Gunung Angsi pada pukul 7:00 pagi.
A itu C sini
B situ D sana

Latihan 2

Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah salah penggunaannya. Tulis perkataan yang betul dalam ruang yang disediakan.

- Beliau melepaskan lembu-lembunya untuk meragut rumput pada setiap pagi.
- Semua murid tahun 5 perlu hadir petang nanti. Kalian akan melakukan kerja pembersihan dan keceriaan kelas mereka.
- "Barang-barang yang tuanku minta itu telah pun baginda sediakan di perkarangan istana," kata Temenggung kepada Sultan.

Latihan 3

Gariskan jawapan yang betul bagi ayat di bawah.

- "(Siapa, Siapakah, Apakah) nama adik kamu yang baru lahir itu?" tanya Cikgu Rohaya kepada Damia.
- "Pada pukul berapakah (mereka, kalian, kamu) akan masuk ke dalam Dewan Bahasa dan Pustaka ini?" tanya pengawal keselamatan itu kepada sekumpulan murid sekolah.

- (Di manakah, Berapakah, Bagaimanakah) dia boleh berjaya mendapat keputusan yang cemerlang?
- Ayah akan ke Sarawak esok kerana dia ada urusan di (sana, sini, situ).

PEMAHAMAN - SURAT TIDAK RASMI

Latihan 4

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Zamri bin Ahmad,
No. 27, Jalan Impian Utama 4,
Taman Impian Utama
72000 Kuala Pilah,
Negeri Sembilan.

15 Januari 2019.

Menemui sahabatku, Zaki Fazil yang kini berada di Jitra, Kedah. Semoga saudara berada dalam keadaan sihat sejahtera di samping keluarga. Saya dan keluarga di sini sihat walafiat.

Saudara,

Surat yang saudara kirimkan pada 2 Januari yang lalu telah selamat saya terima tiga hari yang lepas. Terima kasih, saya ucapkan. Kandungan surat tersebut, saudara ada memaklumkan bahawa saudara akan datang melawat ke Kuala Pilah pada cuti sekolah nanti. Saya amat gembira dan kedatangan saudara ke sini saya nantikan.

Terdapat pelbagai jenis makanan tradisional yang perlu saudara nikmati. Di sini popular dengan lauk gulai lemak cili api. Sudah pasti rasanya pedas tetapi sedap. Gulai daging salai sering dijadikan juadah utama. Selain itu, terdapat juga gulai ikan sembilang salai dan gulai itik salai. Semuanya enak-enak belaka.

Saudara tahu akan kuih apam? Di Kuala Pilah terkenal dengan kuih apam yang *unik* iaitu apam daun. Kuih apam ini dibalut dengan daun rambai sebelum dikukus. Kuih ini lembut dan manis rasanya. Tentu saudara suka akan kuih ini nanti.

Sampai di sini sahaja yang dapat saya tuliskan untuk tatapan saudara. Jika hendak ke sini nanti, beritahulah tarikh dan masanya. Akhir kata, sambutlah salam mesra daripada saya untuk saudara dan keluarga di sana. Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
Zamri

- Bilakah tarikh surat itu diterima?
A 2 Januari C 13 Januari
B 3 Januari D 15 Januari
- Bagaimanakah perasaan Zamri apabila sahabatnya akan datang melawat Negeri Sembilan?
A Gembira C Teramat gembira
B Amat gembira D Amat gembira sangat
- Pernyataan berikut benar tentang makanan dalam petikan di atas, **kecuali**
A Kuih apam yang dibalut dengan daun rambai.
B Gulai daging salai sering dijadikan juadah utama.
C Gula enau berbau wangi dan mempunyai rasa manis yang semula jadi.
D Perkataan salai membawa maksud diasapi atau dipanggang di atas api.
- Tuliskan maksud perkataan *unik*.

[KBAT]

- Apakah kuih yang kamu gemari? Nyatakan satu keunikan pada kuih tersebut.

➔ Latihan 1

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti-aktiviti yang boleh mengeratkan hubungan kekeluargaan. Tulis ulasan tentang gambar dan maklumat yang diberi dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.



- menyediakan sarapan



- bantu-membantu antara ahli keluarga

AKTIVITI-AKTIVITI MENERGATKAN HUBUNGAN KEKELUARGAAN



- menemani anak-anak ulang kaji pelajaran



- beriadah bersama-sama keluarga

➔ Latihan 2

Gambar di bawah menunjukkan cara-cara menghabiskan masa bersama-sama keluarga. Tulis ulasan tentang gambar dan maklumat yang diberi dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.



- membantu ibu bapa



- melancong bersama-sama

CARA-CARA MENGHABISKAN MASA BERSAMA-SAMA KELUARGA



- beriadah bersama-sama ibu bapa

➔ Latihan 3

Gambar di bawah menunjukkan poster cara-cara menghargai jasa ibu bapa. Tulis ulasan tentang poster dan maklumat yang diberi dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.

SAYANGILAH IBU BAPA KITA	
	Mendapat keputusan yang cemerlang dan menggembirakan ibu bapa kita.
	Menghormati ibu bapa kita.
	Membantu ibu bapa agar dapat meringankan beban tugas mereka.

➔ Latihan 4

Gambar di bawah menunjukkan situasi keluarga yang harmoni. Tulis ulasan kamu berdasarkan gambar yang diberikan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.



BAHAGIAN C (CERITA)

Karangan Centa Keperihaln

- Antara kriteria karangan cerita keperihaln adalah seperti berikut:
- menceritakan sesuatu peristiwa, pengalaman dan program
 - menggunakan bahasa sastra seperti dalam novel
 - menulis karangan tentang diri sendiri, bukan orang lain
 - mementingkan olahan dan perkembangan idea
 - jalan cerita yang menarik, tersusun dan logik

Soalan perbincangan

Kamu berpeluang menyertai sambutan Hari Kemerdekaan peringkat sekolah. Pelbagai acara diadakan sepanjang sambutan tersebut. Tulis pengalaman kamu menyertai sambutan Hari Kemerdekaan tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

Rangka karangan

Kunci Soalan	Acara sambutan Hari Kebangsaan
Format Karangan	Karangan cerita
Perenggan 1	Majlis perasmian
Perenggan 2	Pelbagai persembahan – boria
Perenggan 3	Pelbagai pertandingan – koir
Perenggan 4	Pelbagai pameran – sejarah negara
Perenggan 5	Penyampaian hadiah – pemenang
Perenggan 6	Penutup – perasaan

Jawapan contoh:

Sekolah saya telah mengadakan sambutan Hari Kebangsaan pada minggu lepas. Pelbagai acara telah diadakan sepanjang sambutan Hari Kebangsaan tersebut.

Sambutan Hari Kebangsaan bermula dengan majlis perasmian yang diadakan di dewan Seri Gemilang. Majlis perasmian tersebut telah diadakan pada 20 Ogos 2018. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Pegawai Pendidikan Daerah Gombak iaitu Yang Berbahagia Tuan Haji Sajoli Bin Masdor. Beliau mengucapkan tahniah kepada pihak sekolah yang berjaya menjalankan program tersebut.

Semasa majlis perasmian tersebut, murid-murid Tahun 4 telah mempersembahkan persembahan boria tentang kemerdekaan negara kita. Ibu bapa dan murid yang hadir berasa gembira dan seronok melihat persembahan boria tersebut. Murid Tahun 6 pula membuat persembahan teater yang membuatkan penonton terpuakau dengan lakonan mereka.

Semasa sambutan Hari Kebangsaan tersebut juga telah diadakan pertandingan koir antara kelas Tahun 5. Persembahan koir yang bertemakan patriotik itu dapat menanam semangat patriotik. Pertandingan tersebut telah disertai sembilan buah kelas Tahun 5.

Saya juga berpeluang melihat pameran semasa sambutan Hari Kebangsaan tersebut. Saya mendapat ilmu pengetahuan yang banyak tentang sejarah negara kita. Pameran tersebut telah menarik ramai murid kerana pameran tersebut dipenuhi dengan gambar-gambar.

Majlis penutup telah diadakan pada pukul 4.00 petang dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan. Saya berasa sangat gembira dan lebih bermakna lagi ialah saya mengenali negara saya.

LATIHAN



Kamu dan kawan-kawan berpeluang menyertai perkhemahan pengakap. Tulis sebuah karangan yang menceritakan pengalaman kamu sepanjang menyertai perkhemahan tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

Karangan Centa Tindakan

Antara kriteria karangan cerita tindakan adalah seperti berikut:

- menulis tentang tindakan terhadap sesuatu situasi
- jalan cerita mesti tersusun dengan tindakan yang diambil
- tindakan yang dilakukan adalah tindakan sendiri
- mementingkan olahan dan perkembangan idea
- masukkan unsur nilai terutamanya pada perenggan akhir

Soalan perbincangan

Kamu dan kawan-kawan berjalan menuju ke kantin sekolah pada waktu rehat. Tiba-tiba kamu dan kawan-kawan kamu terlihat seorang murid Tahun 1 mencari sesuatu berhampiran kelasnya. Tuliskan tindakan kamu dan rakan-rakan ketika itu.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

Rangka karangan

Kunci Soalan	Tindakan menolong murid Tahun 1
Format Karangan	Karangan cerita tindakan
Perenggan 1	Ubah suai tajuk jadi pendahuluan
Perenggan 2	Bertanya kepada murid tersebut
Perenggan 3	Suruh kawan memanggil guru
Perenggan 4	Memberi bantuan – memujuk
Perenggan 5	Guru sampai
Perenggan 6	Penutup nilai – cerita kepada guru

Jawapan contoh:

Saya dan kawan-kawan berjalan menuju ke kantin sekolah pada waktu rehat untuk membeli minuman dan makanan. Tiba-tiba kami terlihat seorang murid Tahun 1 mencari sesuatu berhampiran kelasnya.

Kami bertanya kepada murid itu, apakah yang dicarinya. Dia mengatakan dia mencari wang belanjanya yang hilang. Dia juga memberitahu bahawa wang belanja itu untuk membeli makanan dan buku latihan Bahasa Melayu. Kasihan kami melihat dia mencari wangnya dan menangis kerana masih tidak jumpa wang tersebut.

Saya meminta Amin mencari guru bertugas untuk memaklumkan tentang kejadian tersebut. Saya juga menyuruh Muzaffar mencari guru kelas Tahun 1 Mawar untuk memberitahu kepadanya. Saya dan murid itu terus mencari wangnya yang hilang.

Sementara menunggu guru bertugas dan guru kelas murid itu, Saya pergi ke kantin untuk membelikan makanan untuk murid itu kerana waktu rehat hampir tamat. Saya membelikan nasi lemak dan air sirap. Saya menyuruh dia makan walaupun pada mulanya dia berasa malu dan enggan. Saya memujuk dia makan kerana waktu rehat hampir tamat.

Tidak beberapa lama kemudian, guru dan kawan-kawan saya pun sampai. Mereka membawa murid itu ke bilik guru agar dia bertenang. Guru bertugas dan guru kelas murid itu mengucapkan terima kasih kepada kami kerana telah membantu. Kami berasa gembira dengan ucapan itu.

Saya menceritakan peristiwa yang berlaku kepada ayah semasa di rumah. Ayah mengucapkan syabas dan tahniah kerana saya telah menolong orang dalam kesusahan.

LATIHAN



Kamu dan kawan-kawan bermain bola sepak di padang selepas sesi persekolahan. Tiba-tiba seorang daripada kawan kamu terseliuh. Tuliskan tindakan kamu dan rakan-rakan ketika itu. Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.

Matematik (Kertas 1)

NOMBOR DAN OPERASI (PENYELESAIAN MASALAH)

Pada minggu ini, murid-murid akan mempelajari dan menjawab soalan penyelesaian masalah yang melibatkan tajuk nombor bulat. Murid-murid perlu memahami soalan tersebut dengan mengenal pasti masalah, merancang penyelesaian, menggunakan operasi mengikut kehendak soalan, menyelesaikan masalah tersebut hingga mendapat jawapan dan semak semula agar jawapan yang diperoleh betul dan tepat. Soalan penyelesaian masalah turut melibatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Pasti soalan KBAT akan memberi cabaran berfikir kepada murid untuk memahami, mengira dan seterusnya menyelesaikan soalan tersebut.

Nota yang disediakan dalam ruangan ini juga diharap dapat membantu murid-murid untuk lebih memahami kaedah menjawab soalan-soalan tersebut. Selamat mencuba, semoga murid-murid berjaya menjawab dengan betul dan tepat setiap soalan yang disediakan

Panduan menjawab soalan penyelesaian masalah:

1. Baca soalan tersebut berulang-ulang kali (sekurang-kurangnya 2 kali).
2. Garisi maklumat-maklumat penting bagi menjawab soalan tersebut.
3. Kenal pasti kehendak soalan.
4. Tidak perlu menunjukkan langkah pengiraan bagi setiap soalan. Cukup sekadar pengiraan ringkas bagi mendapatkan jawapan.
5. Semak jawapan.

Soalan contoh:

Sebuah kilang menghasilkan 935 buah telefon pintar setiap hari. Hitung bilangan telefon pintar yang dihasilkan dalam tempoh 2 minggu.

- A 1 870 C 13 090
B 4 675 D 13 190

Penyelesaian:

Maklumat diberi	935 buah telefon pintar
Perlu dicari	Telefon pintar yang dihasilkan dalam tempoh 2 minggu
Operasi digunakan	Darab
Selesaikan	2 minggu = 14 hari $935 \times 14 = 13\ 090$ 13 090 buah telefon pintar dihasilkan dalam tempoh 2 minggu
Semak	Lakukan pengiraan semula untuk memastikan jawapan adalah tepat bagi mengelakkan kecaian ketika melakukan pengiraan
Jawapan	C

Latihan

1. Antara yang berikut, manakah mempunyai nilai digit 5 yang sama nilai dengan nilai digit 5 dalam nombor 258 047? Which of the following numbers, has the same digit value 5 as the digit value of 5 in the number 258 047?
A 295 691 C 392 538
B 356 780 D 438 654
2. Rajah 1 menunjukkan empat keping kad nombor. Diagram 1 shows four numbered cards.

90 512	37 295	109	964 327
--------	--------	-----	---------

Rajah 1 / Diagram 1

Bentuk satu nombor menggunakan nilai digit 9 daripada setiap kad itu.
Form a number using the digit value of digit 9 on each card.
A 990 990 C 990 099
B 990 909 D 909 099

3. Antara yang berikut, manakah yang tidak benar tentang nilai tempat dan nilai digit dalam nombor 504 028? Which of the following is not true about the place value and the digit value in the number 504 028?

	Digit Digit	Nilai tempat Place value	Nilai digit Digit value
A	8	Sa Ones	8
B	5	Ratus ribu Hundred thousand	500 000
C	2	Ratus Hundred	200
D	4	Ribu Thousand	4 000

4. Berapakah lebihnya 53 ribu daripada 20 568? How much more 53 thousand than 20 568?
A 32 432 C 46 732
B 38 062 D 73 568
5. Nombor apakah yang perlu ditambah kepada 125 438 untuk mendapat 490 000? What must be added to 125 438 to get 490 000?
A 364 562 C 363 562
B 365 562 D 374 562
6. Rajah 2 menunjukkan dua keping kad nombor. Diagram 2 shows two numbered cards.

354 136 K	248 796 L
--------------	--------------

Rajah 2 / Diagram 2

7. Berapakah beza nilai digit 5 pada kad K dengan nilai digit 7 pada kad L? What is the difference between the values of digit 5 in card K and digit 7 in card L?
A 4 800 C 45 900
B 44 030 D 49 300
7. Rajah 3 menunjukkan dua keping kad nombor. Diagram 3 shows two numbered cards.

278 960	6 548
---------	-------

Rajah 3 / Diagram 3

- Hitung hasil darab nilai digit yang bergaris. Calculate the product of the underlined digits.
A 0.064 juta / million C 6.4 juta / million
B 0.64 juta / million D 64 juta / million
8. Raykal ada 2 040 biji gula-gula. Dia memberikan 320 biji gula-gula kepada Shahrul. Bakinya diagihkan sama banyak ke dalam 8 biji botol. Hitung jumlah gula-gula di dalam 3 botol itu. Raykal has 2 040 sweets. He gave 320 sweets to Shahrul. He distributes the rest of it equally into eight bottles. Calculate the total number of sweets in 3 bottles.
A 740 C 430
B 645 D 215
 9. Jadual 1 menunjukkan bilangan pengunjung yang melawat Muzium Negara dalam masa tiga bulan. Table 1 shows the number of visitors to the National Museums in three months.

Bulan Month	Bilangan pengunjung Number of visitors
April April	12 560
Mei May	2 kali bilangan pengunjung bulan April 2 times the number of visitors in April
Jun June	3 kali bilangan pengunjung bulan Mei 3 times the number of visitors in May

Jadual 1 / Table 1

Hitung bilangan pengunjung pada bulan Jun. Calculate the number of visitors in June.

- A 25 120 C 50 240
B 37 680 D 75 360

10. Arman membeli 5 983 pek gula-gula. Setiap pek mengandungi 18 biji gula-gula. Berapakah jumlah gula-gula yang dibeli oleh Arman? Arman buys 5 983 packs of sweets. Each pack consists of 18 sweets. What is the total number of sweets bought by Arman?
A 105 532 C 110 204
B 107 694 D 120 694
11. Sebuah syarikat penerbitan mencetak 5 580 naskhah buku setiap hari. Berapakah jumlah buku yang dihasilkan oleh syarikat itu dalam bulan Ogos? A publishing company prints 5 580 copies every day. How many books did the company produce in August?
A 172 980 C 156 240
B 167 400 D 22 340
12. Jadual 2 menunjukkan bilangan pek gula yang dihasilkan sebuah kilang dalam tempoh tiga bulan berturut-turut. Table 2 shows the number of packets of sugar produced by a factory in three consecutive months.

Bulan Month	Kuantiti Quantity
Mac March	2 680
April April	40% daripada bulan Mac 40% from March
Mei May	6 502

Jadual 2 / Table 2

Hitung berapa pek gula yang dihasilkan kilang tersebut dalam tempoh tiga bulan itu. Calculate the total number of packets of sugar produced by the factory in the three months.

- A 9 182 C 11 652
B 10 254 D 12 284
13. Sebuah kedai mempunyai 542 000 helai baju yang berwarna kuning, biru, hijau, hitam dan merah. Sekiranya bilangan baju setiap warna adalah sama, cari bilangan baju berwarna merah. A store has 542 000 yellow, blue, green, black and red shirts. If the number of shirts of each color is the same, find the number of shirts in red.
A 102 500 C 130 400
B 108 400 D 146 100

NOMBOR BULAT (PENYELESAIAN MASALAH)

Pada minggu ini calon UPSR akan didedahkan kepada soalan berkaitan nombor bulat sehingga 7 digit dan soalan penyelesaian masalah.

Bentuk soalan yang sering dikemukakan adalah seperti yang berikut:


- > Bentuk persamaan**
Operasi bergabung (guna simbol)
- + dan -
 - x dan ÷
- (pengiraan dari kiri ke kanan)

Ingat
x dan ÷ atau + pilih darab terlebih dahulu
+ dan - atau + pilih bahagi terlebih dahulu
bagi operasi melibatkan () selesaikan operasi dalam kurungan terlebih dahulu

- > Bentuk penyelesaian masalah**
(soalan berayat / rajah / jadual / dialog)
Langkah penyelesaian;
i. Baca ayat demi ayat
ii. Garisi angka dalam ayat
iii. Pastikan ayat terakhir dalam soalan

Soalan contoh:

- 1 Rajah 1 menunjukkan tiga kad keping nombor.



Rajah 1

- (a) Nyatakan digit pada kad-kad nombor itu yang mempunyai nilai tempat yang sama. [1 markah]
8
- (b) Hitung jumlah nilai pada kad nombor itu. [2 markah]
 $7\,984 + 19\,083 + 984 = 28\,051$

- 2 Razib ada 18 buah bakul mangga. Setiap bakul mempunyai 174 biji mangga. Dia memungut 95 biji mangga lagi.

Berdasarkan pernyataan,

- (a) Hitung bilangan mangga di dalam 7 buah bakul yang sama. [2 markah]
 $174 \times 7 = 1\,218$
- (b) Hitung jumlah mangga yang Razib ada. [2 markah]
 $174 \times 18 = 3\,132$
 $3\,132 + 95 = 3\,227$

Latihan

- 1 Rajah 1 menunjukkan empat keping kad nombor. Diagram 1 shows four numbered cards.

P	Q	R	S
25 901	18 052	11 435	29 546

Rajah 1 / Diagram 1

- (a) Berdasarkan Rajah 1, nyatakan kad nombor dengan nilai terkecil. [1 markah / mark]
Based on Diagram 1, state the number card with the smallest value.
- (b) Hitung jumlah semua nilai digit 5 pada kad-kad tersebut. [2 markah / marks]
Calculate the sum of all the values of the digits 5 on the cards.
- (c) Selesaikan / Solve [2 markah / marks]
 $P + (S - Q) =$

- 2 Rajah 2 menunjukkan perbualan antara dua orang peminat bola sepak. Diagram 2 shows a conversation between two football fans.

Samad, sudahkah awak beli tiket perlawanan bola sepak untuk hujung minggu ini?
Samad, have you bought the football tickets for this weekend's match.



Talha



Samad

Ya, saya sudah beli 815 keping tiket untuk kelab kita pada pagi tadi. Pihak stadium menyediakan 27 000 keping tiket. 12 049 keping tiket telah dijual hingga petang semalam.
Yes, I bought 815 tickets for our club this morning. The stadium management has prepared 27 000 tickets. 12 049 tickets has been sold till last evening.

Rajah 2 / Diagram 2

- (a) Hitung bilangan tiket yang masih ada pada petang semalam. [2 markah / marks]
Calculate the number of tickets that were still available last evening.
- (b) Hitung bilangan tiket yang masih ada selepas pembelian Samad. [2 markah / marks]
Calculate the number of tickets left after Samad's purchase.
- 3 Pak Shahril memelihara 2 550 ekor ayam, 810 ekor itik dan beberapa ekor angsa. Bilangan angsa ialah $\frac{3}{8}$ daripada jumlah ayam dan itik. Pak Shahril breeds 2 550 chickens, 810 ducks and some geese. The number of geese is $\frac{3}{8}$ of the total number of chickens and ducks.

Berdasarkan pernyataan,
Based on the statement,

- (a) Hitung bilangan angsa yang Pak Shahril ternak. [2 markah / marks]
Calculate the number of geese Pak Shahril raised.
- (b) Hitung jumlah ternakan Pak Shahril. [1 markah / mark]
Calculate the total number of all Pak Shahril's livestock.
- (c) Tandakan (✓) pada bilangan ternakan yang paling sedikit. [1 markah / mark]
Tick (✓) on the least number of livestock.

Ayam Chicken	Itik Duck	Angsa Goose
-----------------	--------------	----------------

[1 markah / mark]

- 4 Jadual 1 menunjukkan bilangan pengunjung ke Taman Burung dalam tempoh tiga bulan. Table 1 shows the number of visitors to a Bird Park for three months.

Bulan / Month	Bilangan pengunjung / Number of visitors
Mei / May	23 456
Jun / June	19 287
Julai / July	12 043

Jadual 1 / Table 1

- (a) Bentukkan satu nombor lima digit dengan menggunakan semua nilai digit 2 dalam Jadual 1. [1 markah / mark]
Form a five digit number using all the digit values of 2 in Table 1.

- (b) Jumlah pengunjung kanak-kanak adalah 21 780 orang. Hitung bilangan pengunjung dewasa. [3 markah / marks]
A total of 21 780 visitors are children. Calculate the number of adult visitors.

- 5 Jadual 2 menunjukkan bilangan buku nota yang dihasilkan oleh sebuah kilang dari Oktober hingga Disember. Table 2 shows the number of note books produced in a factory from October to December.

Bulan / Month	Bilangan buku nota / Number of note book
Oktober / October	1 250 000
November / November	$1\frac{1}{5}$ juta / million
Disember / December	0.98 juta / million

Jadual 2 / Table 2

- (a) Nyatakan, dalam nombor bulat, bilangan buku nota yang dihasilkan dalam bulan November. [1 markah / mark]
State in whole number, the number of papers produced in November.
- (b) Hitung beza bilangan buku nota yang dihasilkan antara bulan Oktober dengan Disember. [2 markah / marks]
Calculate the difference between the numbers of note books produced in October and December.
- (c) Sasaran kilang tersebut ialah menghasilkan 4 juta buah buku nota dalam tempoh tiga bulan. [2 markah / marks]
The factory is targeting to produce 4 million note books within three months.
Adakah kilang tersebut dapat mencapai sasaran? [2 markah / marks]
Buktikan.
Would the factory be able to achieve the target? Prove it.

- 6 Jadual 3 menunjukkan bilangan sekolah mengikut daerah. Table 3 shows the number of school according to districts.

